

UM kekal kedudukan teratas di Malaysia

1,799 IPT dari 104 negara tersenarai dalam ranking universiti dunia

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia (UM) mendahului 22 institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia yang disenaraikan dalam kedudukan universiti dunia tahun ini oleh *Times Higher Edu-*

cation (THE).

Jumlah universiti negara yang tersenarai dalam ranking itu mencatat peningkatan tahun ini berbanding hanya 18 universiti awam dan swasta berada dalam kedudukan berkenaan tahun lalu.

Dalam senarai membabitkan 1,799 universiti dari 104 negara itu, UM berada pada kedudukan 351-400, sekali gus kekal pada kedudukan teratas dalam kalangan universiti Malaysia.

Bagaimanapun, kedudukan itu menyaksikan ranking UM jatuh sedikit berbanding tahun lalu, yang ketika itu berada pada kedudukan 301-350.

Ia disusuli Universiti Tekno-

logi Petronas (UTP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di kedudukan 401-500.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula masing-masing pada kedudukan 601-800.

Empat universiti disenaraikan di kedudukan 801-1,000 iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Sunway University dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), manakala Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan Universiti Tunku Abdul Rahman

(UTAR) pada kedudukan 1,001-1,200.

Tujuh universiti negara berada dalam kelompok 1,201-1,500 iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Multimedia University (MMU), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Dua lagi universiti negara yang tersenarai dalam ranking universiti dunia oleh THE adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia

Sabah (UMS), masing-masing pada kedudukan 1,501+.

Ambil kira 13 indikator

Ranking universiti dunia oleh THE adalah penyenaian universiti terbesar di dunia ketika ini, dengan mengambil kira 13 indikator bagi menilai prestasi universiti dalam empat bidang iaitu pengajaran, penyelidikan, peminatan pengetahuan dan pandangan antarabangsa.

Penyenaian tahun ini menganalisis 121 juta petikan daripada 15.5 juta penerbitan kajian, termasuk maklum balas kajian selidik daripada 40,000 ahli akademik seluruh dunia.



UM berada pada kedudukan 351-400 universiti dunia tahun ini.

(Foto hiasan)